

## **058 ANALISIS KESALAHAN NAHU BAHASA ARAB DALAM KARANGAN PELAJAR KURSUS PENGUKUHAN BAHASA ARAB**

**Mohamad Rofian b Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Dr. Khairatul Akmar Abdul  
Latif, Nor Effendy Ahmad Sokri**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

[mohdrofian@kuis.edu.my](mailto:mohdrofian@kuis.edu.my), [redzaudin@kuis.edu.my](mailto:redzaudin@kuis.edu.my), [khairatulakmar@kuis.edu.my](mailto:khairatulakmar@kuis.edu.my),  
[noreffendy@kuis.edu.my](mailto:noreffendy@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Kajian ini dilakukan bertujuan menganalisis kesalahan Nahu dalam kalangan pelajar kursus pengukuhan bahasa Arab. Kajian dilakukan terhadap 30 pelajar yang dipilih secara rawak dengan menggunakan penulisan karangan mereka sebagai data kajian. Data kajian ini dibentangkan mengikut kaedah analisis kandungan secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar melakukan kesalahan nahu seperti kesalahan dalam penggunaan gender (Maskulin&Feminin), kata ganti nama diri (Dhomir), Kesalahan Frasa (Idafah&Sifat), dan kesalahan penggunaan kosa kata. Hasil kajian juga mendapati bahawa kesalahan penggunaan kosa kata paling banyak dilakukan pelajar (65 kesalahan). Kesalahan kedua tertinggi pula ialah kesalahan aspek frasa iaitu penggunaan idafah dan sifat (55 kesalahan), diikuti kesalahan aspek penggunaan gender dan aspek penggunaan kata ganti nama iaitu jumlahnya sama (45 kesalahan). Kajian mencadangkan agar strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang selain kaedah dan teknik yang digunakan pensyarah perlu kepada pemantapan mengikut kersesuaian tahap penguasaan pelajar. Penyelidik menyarankan agar segala kesalahan pelajar yang telah di analisis perlu dikumpulkan dan di jadikan modul atau kamus kesalahan bahasa supaya pelajar dapat mengenalpasti dan mempelajari kesilapan mereka seterusnya tidak mengulanginya kembali.

Kata Kunci: Analisis, Kesalahan Nahu, Karangan, Pelajar, Bahasa Arab

## **PENDAHULUAN**

Kursus pengukuhan bahasa Arab merupakan satu usaha ke arah memantapkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat tinggi. Kursus yang dijalankan secara intensif ini secara umumnya dapat membimbing pelajar menguasai empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur serta kemahiran membaca dan menulis.

Berdasarkan kepada pemerhatian penyelidik sepanjang berlangsungnya kursus ini, didapati penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan pelajar adalah lemah. Mereka sukar membina ayat dengan sempurna sekaligus melakukan banyak kesilapan dan kesalahan nahu samada secara sedar atau tanpa sedar. Dalam proses, membina ayat dalam bahasa arab khususnya dalam mengarang, pelajar terikut-ikut dengan sistem bahasa ibunda. Mereka kerap melakukan kesalahan nahu disebabkan oleh perbezaan yang agak ketara antara kedua-dua sistem bahasa ini (Richard, 1992). Justeru, situasi ini telah mendorong penyelidik untuk menjalankan kajian berkaitan kesalahan pelajar dalam karangan mereka dari aspek nahu. Ini kerana, menulis karangan merupakan sebahagian daripada kemahiran menulis peringkat tinggi yang perlu dikuasai oleh pelajar universiti. Ia juga merupakan kemahiran yang tertinggi antara kemahiran kemahiran bahasa yang lain kerana ia merupakan suatu tugas yang kompleks. selain itu, ia juga merupakan kebolehan berbahasa yang paling sukar diperolehi (Corder, S.P. 1974).

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian antara lain dapat digariskan sebagai:

- i. Mengenalpasti kesalahan pelajar dari aspek nahu dalam penulisan karangan berpandukan bergambar.
- ii. Mencadangkan penyelesaian berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi melalui analisis kesalahan pelajar dari aspek nahu.

## **Persoalan Kajian**

Kajian ini akan memastikan persoalan berikut terjawab:

- i. Apakah bentuk kesalahan nahu dalam penulisan karangan bergambar pelajar?
- ii. Apakah cadangan yang tuntas dalam menyelesaikan masalah kesalahan nahu pelajar dalam penulisan karangan?.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Dalam proses penulisan bahasa Arab, masalah yang sering dihadapi oleh seseorang pelajar ialah untuk memulakan penulisan.

Mereka keliru memilih bentuk pembinaan ayat yang sesuai dan betul seterusnya menggunakannya dalam ayat. Kajian yang dijalankan oleh (Madiah Muhammad Yusuf, 2009 dalam Samah, 2012) kepada pelajar tahun tiga dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, tentang tahap pengetahuan membina frasa nama bahasa Arab, menunjukkan hanya 10% sahaja pelajar yang mampu mengeluarkan ayat tersebut dari petikan yang diberi.

Memulakan penulisan bukanlah sekadar persoalan kebolehan semata-mata atau soal pengetahuan tentang sesuatu kerana pakar yang berpengetahuan dan berkemahiran pun turut menghadapi masalah yang serupa (Flower, 1985 dalam Roselan Baki, 2003). Putri, N. (2012) menyatakan dalam kajiannya bahawa pelajar perlu mempelajari kaedah-kaedah penulisan bahasa arab khususnya kaedah imlak sebelum mereka mula belajar mengarang pada peringkat yang lebih tinggi.

## **Penguasaan Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab**

Kebolehan menulis dalam bahasa Arab adalah bakat semulajadi yang merupakan kemahiran yang sukar dikuasai oleh pelajar. Penguasaan kemahiran menulis bukan hanya bergantung kepada bakat semata-mata malah dipengaruhi juga oleh pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan (Yahya Othman, 2005; Ahmad Khair Mohd. Nor, 2005). Oleh itu, dalam

pengajaran kemahiran menulis, penguasaan peringkat asas adalah dimulakan dengan menulis huruf, perkataan, ayat dan akhirnya sebuah wacana yang dapat difahami apabila dibaca (Yahya Othman, 2005).

Pelajar yang mempelajari bahasa Arab mestilah sekurang-kurangnya mampu membina ayat yang lengkap, bebas dari kesalahan dan kesilapan tatabahasa, namun kemahiran menulis peringkat lanjutan seperti menulis karangan perlulah di ajar dengan berkesan kerana kemahiran pada peringkat ini sangat sukar di kuasai pelajar. Ahmad Khair Mohd. Nor, (2005) menyatakan bahawa proses menulis karangan merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain dan banyak orang tidak mahir menulis.

Kemahiran mengarang mampu dikuasai oleh sesiapa sahaja sekiranya terdapat pengubahsuaian kurikulum dan juga penyediaan bahan pengajaran yang sesuai (Faridah Serajul Haq dan rakan-rakan, 2001).

Tidak di nafikan, buku teks ataupun modul memainkan peranan penting sebagai faktor utama mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis khususnya kemahiran menulis karangan.(Muda, 2012) dalam kajiannya menjelaskan salah satu faktor kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar aliran agama khususnya di Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) ialah Sukatan Pelajaran Bahasa Arab (SPBA) yang terlalu tinggi berbanding keupayaan mereka dalam penguasaan asas-asas bahasa Arab seperti penguasaan dalam tulisan Jawi dan kemahiran membaca al-Quran.

Umum tahu, penggunaan akhbar berbahasa Arab boleh di jadikan sebagai bahan bantu mengajar yang efisien atau sebagai bahan pembelajaran yang berkesan dalam menguasai kemahiran menulis. Pelajar di dedahkan dengan uslub, laras bahasa dan kosa kata yang pelbagai serta istilah-istilah yang tepat dalam proses membina ayat dan mengarang. (Chew Fong Peng & Rusdani Mohamed, 2013) dalam kajiannya menunjukkan penggunaan akhbar didapati berkesan dalam membantu meningkatkan kemahiran menulis karangan dalam kalangan pelajar tingkatan enam.

(Samah, Rosni, 2012) mencadangkan beberapa aktiviti yang boleh meningkat kemahiran pelajar dalam menulis karangan, antaranya ialah sebagaimana berikut :

- Boleh digunakan pendekatan lengkapkan ayat. Melengkapkan ayat di peringkat ini hendaklah lebih terbuka dan luas. Pelajar bebas memilih ayat untuk dilengkapkan.

Begitu juga mereka bebas menulis ayat-ayat yang panjang bagi menyempurnakan makna ayat yang diberi. Jawapan melengkapkan ayat di sini berbeza di antara pelajar. Ada yang menjawab dengan pelbagai jawapan mengikut kemahiran mereka.

- Menggunakan latihan ganti ayat. Pelajar boleh didedahkan dengan latihan ganti ayat bagi membolehkan mereka menulis ayat sendiri tentang soalan yang dikehendaki. Melalui menulis ayat inilah kemahiran menulis akan dapat dicapai. Mereka dapat menulis pelbagai ayat yang menggambarkan makna yang dikehendaki.
- Menggunakan latihan sempurnakan ayat. Latihan ini penting bagi pelajar untuk membina kemahiran menulis. Pelajar boleh menulis pelbagai ayat bagi menyempurnakan ayat yang diberikan itu. Mereka bebas memilih ayat dan mengungkapkannya.
- Menggunakan latihan membina ayat melalui perkataan yang diberikan (Muhammad Abdul Qadir Ahmad, 1979, hlm. 218).

### **Teori Analisis Kontrastif dan Analisis Kesalahan Bahasa**

Sebelum Analisis Kesalahan Bahasa diperkenalkan, Analisis Kontrastif telah mendominasi bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa asing sejak perang Dunia Kedua hingga akhir pertengahan tahun 1960-an (Aini, 2007). Analisis Kontrastif membandingkan sistem linguistik dua bahasa iaitu bahasa asal dan bahasa sasaran pelajar dan meramal daerah-daerah kesukaran dan kesenangan yang dihadapi oleh pelajar tersebut (Mogimizadeh, 2008). Pendekatan ini mengandaikan bahawa pelajar bahasa kedua atau pelajar bahasa asing akan menerima dengan mudah unsur-unsur bahasa asing yang sama atau hampir sama dengan bahasa ibunda mereka. Sebaliknya unsur-unsur yang berbeza akan menimbulkan kesulitan dalam proses pembelajaran mereka (Brown, 2000).

Menurut Analisis Kontrastif, gangguan bahasa ibunda menjadi penyebab utama timbulnya kesalahan dan kesulitan pembelajaran bahasa asing oleh seseorang pelajar (Aini, 2007). Justeru, kesalahan yang dilakukan pelajar dianggap sebagai hasil daripada tabiat berterusan bahasa ibundanya terhadap bahasa sasarannya (Erdogan, 2005).

Menurut Azman & Goh (2010) masalah utama pelajar mempelajari bahasa Arab adalah kerana nahu bahasa Arab. Apabila membincangkan gangguan bahasa ibunda,

sesetengah kesalahan berlaku berpunca daripada gangguan bahasa Arab standard dan sesetengahnya pula disebabkan oleh bahasa Arab pasar (Abisamra, 2003). Berdasarkan dapatan kajian Abisamra (2003) mendapati pelajar melakukan kesalahan disebabkan gangguan bahasa ibunda, namun kesalahan yang paling banyak dilakukan pelajar adalah kerana kesalahan intralingual.

Analisis Kesalahan Bahasa pula mengkaji tentang kesalahan pemindahan (interlingual errors) dan kesalahan intralingual (intralingual errors) yang muncul hasil daripada strategi pengajaran dan pembelajaran tertentu yang digunakan (Richards, 1992). Kesalahan pemindahan/interlingual berkait dengan gangguan bahasa ibunda. Corder (1971) menjelaskan bahawa gangguan bahasa ibunda wujud apabila tabiat (bentuk, sistem atau hukum) bahasa pertama pelajar mengganggu atau menghalangnya daripada memperoleh bentuk, sistem atau hukum dalam bahasa kedua. Sementara itu, menurut Lado (1964), pengaruh negatif bahasa ibunda boleh mempengaruhi perkembangan pemerolehan bahasa kedua pelajar. Pemindahan interlingual merupakan sumber penting dalam pembelajaran bahasa seseorang pelajar. Richards (1992) mendefinisikan kesalahan interlingual sebagai kesalahan yang terhasil daripada pemindahan bahasa, disebabkan bahasa pertama pelajar. Hal ini merupakan tanda-tanda bahawa pelajar sedang menerokai dan mempelajari sistem bahasa baharu.

Analisis Kesalahan Bahasa mengkaji bahasa yang dilakukan oleh pelajar asing atau pelajar bahasa kedua, menguji secara empirikal kesalahan-kesalahan yang wujud dalam bahasa sasaran yang dihasilkan oleh pelajar dan mencari penjelasan tentang punca-punca berlakunya kesalahan tersebut (Moghimizadeh, 2008). Analisis ini merupakan satu kaedah atau teknik yang digunakan dalam sesuatu kajian bertujuan mengukur ataupun menilai tahap kemampuan seseorang atau sekumpulan pelajar terhadap bahasa asing yang dipelajarinya.

### **Kesalahan Nahu dalam Bahasa Arab**

Dalam pembelajaran bahasa kedua, Corder (1973) mengkategorikan empat kesalahan yang dilakukan oleh pelajar iaitu pengguguran unsur-unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah.

Walau bagaimanapun, menurut Corder, kategori-kategori tersebut belum mencukupi untuk menjelaskan kesalahan, lalu beliau menyertakan kesalahan bagi peringkat-peringkat linguistic seperti morfologi, sintaksis dan leksikon. Kesalahan boleh terdiri daripada pelbagai magnitude termasuklah kesalahan fonem, morfem, kata, ayat, malah perenggan (Erdogan, 2005).

Kajian-kajian lain dalam pembelajaran bahasa kedua menunjukkan bahawa pelajar bahasa kedua melakukan kesalahan morfologi (Ellis, 1997), kesalahan kata kerja (Hashim, 2009), kesalahan kata sendi nama (Habash, 1982), kesalahan frasa (Ab. Halim, 2002), kesalahan frasa nama (Soh, 1996) dan kesalahan sintaksis (Lee, 2007; Abisamra, 2003; Saw, 1997 & Ellis, 1997).

Kesalahan nahu ialah kesalahan yang terdapat dalam struktur ayat. Ayat yang sempurna merupakan ayat yang tiada padanya kesalahan-kesalahan nahu. Menurut (Muslikhah, Z. (2014) dalam kajiannya menyatakan kesalahan nahu mencakupi kesalahan dari segi i'rab (fleks), penggunaan isim dhamir (kata ganti nama), penggunaan isim maushul (kata nama hubung), penggunaan huruf mudhara'ah (huruf-huruf kata kerja), penggunaan mufrad-tatsniyah-jama'nya (Tunggal, duaan dan plural), penggunaan mudzakar-mu'annatsnya (gender), dan penggunaan al ta'rif (Alf & Lam pada kalimah).

## **ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian ini hanya memberi fokus kepada dapatan data dalam bentuk penulisan karangan pelajar. Karangan ialah satu data bertulis untuk melihat kemampuan pelajar menyampaikan mesej dalam bahasa Arab dengan menggunakan kaedah Nahu yang betul. Sebanyak 30 orang pelajar diminta menulis karangan berdasarkan gambar yang disediakan oleh pengkaji. Sebelum memulakan ujian penulisan, semua pelajar telah diberikan arahan yang jelas. Masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan sebuah karangan ialah 40 minit. Pelajar dikehendaki menyediakan karangan tidak berformat yang panjangnya antara 100 hingga 200 patah perkataan. Kesalahan tata bahasa dalam karangan pelajar dikenal pasti dan dikategorikan mengikut aspek tertentu seperti berikut:

### **1. Kesalahan penggunaan gender (maskulin & Feminin)**

2. Kesalahan penggunaan kata ganti nama diri (Dhomir)
3. Kesalahan penggunaan Frasa (Idafah&Sifat)
4. Kesalahan penggunaan kosa kata (Mufradaat)

Data yang diperoleh ini dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Seterusnya, dapatan kajian akan dijelaskan dengan menggunakan jadual untuk memudahkan pembaca.

Walaupun pelajar melakukan beberapa kesalahan tatabahasa dalam satu ayat, tetapi fokus utama pengkaji adalah untuk mengenal pasti kesalahan tatabahasa Arab pelajar berdasarkan aspek yang dipilih (Gender, kata ganti nama, frasa dan kosa kata). Pengkaji akan membetulkan dan menghuraikan kesalahan aspek yang dipilih dengan terperinci. Di samping itu, kesalahan aspek lain turut dibetulkan.

### **Soalan Kajian 1: kesalahan pelajar dari aspek nahu dalam penulisan karangan berpandukan bergambar.**

Kesalahan penggunaan aspek aspek nahu yang dikenal pasti dalam penulisan karangan berpandukan bergambar dalam kursus Pengukuhan Bahasa Arab (ALSP) berdasarkan kekerapan dan peratusan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Analisis kesalahan pelajar dari aspek nahu dalam penulisan karangan berpandukan bergambar.

Jenis Kesalahan	Kekerapan	Peratusan
1. Kesalahan penggunaan gender (maskulin&Feminin)	45	21.4%
2. Kesalahan penggunaan kata ganti nama diri (Dhomir)	45	21.4%
3. Kesalahan penggunaan Frasa (Idafah&Sifat)	55	26.2%
4. Kesalahan penggunaan kosa kata (Mufradaat)	65	31.0%
Jumlah	<b>210</b>	<b>100%</b>

Berdasarkan jadual di atas, didapati kesalahan penggunaan kosa kata mencatatkan jumlah kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 65 kesalahan (31%). Kekerapan kedua paling tinggi ialah kesalahan penggunaan Frasa iaitu 55 kesalahan (26.2%) dan kesalahan penggunaan kata ganti nama dan kesalahan penggunaan gender pula masing masing mencatat jumlah kekerapan yang sama iaitu 45 kesalahan bersamaan dengan 21.4%.

#### **3.1 Item 1: Kesalahan penggunaan gender (maskulin&Feminin)**



Gender dalam bahasa Arab melibatkan penggunaan kata nama maskulin dan feminin dalam ayat. Menurut Asmawi, M. N. (2010) Kalimah feminin samada singular atau plural mestilah di setarakan dan di samakan begitu juga dengan maskulin. Persetaraan ini berlaku juga pada frasa-frasa yang lain melibatkan kata sifat dari segi bilangan mahupun jenis.

Jadual 2 menunjukkan kesalahan penggunaan gender (maskulin&Feminin).

*Jadual 2: Kesalahan penggunaan gender (maskulin&Feminin)*

<b>Sampel 16</b>	<b>Kesalahan Nahu</b>	هذه بيتي جميلة
	<b>Penggunaan yang Betul</b>	هذا بيتي جميل

Dalam ayat di atas, penggunaan gender feminine pada isim isyarat sebagai subjek begitu juga dengan predikat bertentangan dengan gender maskulin pada kalimah (بيتي) menyebabkan berlakunya kesalahan nahu. Kalimah (بيتي) menjadikan pelajar keliru antara feminine dan maskulin kerana ia berakhir dengan huruf ta' maftuhah (ت) bukannya ta' marbutah (ة) sebelum bersambung dengan kata ganti nama pertama.

### **3.2 Item 2: Kesalahan penggunaan kata ganti nama diri (Dhomir)**

Dhomir atau kata ganti nama diri memainkan peranan yang penting dalam memahami maksud sesuatu ayat. Menurut Fuad ni'mat, (1973) kata ganti nama atau dhomir dalam bahasa arab terdiri daripada tiga bahagian iaitu dhomir munfasil (*kata ganti nama yang tidak bersambung*), dhomir muttasil (*kata ganti nama bersambung*) dan dhomir mustatir (*kata ganti nama tersembunyi*).

Jadual 3 menunjukkan kesalahan penggunaan kata ganti nama diri (Dhomir).

*Jadual 3: Kesalahan penggunaan kata ganti nama diri (Dhomir)*

<b>Sampel 3</b>	<b>Kesalahan Nahu</b>	يزرع الفلاحون الأرز في القرية لأنه... ..
	<b>Penggunaan yang Betul</b>	يزرع الفلاحون الأرز في القرية لأنهم... ..

Dalam ayat di atas, penggunaan kata ganti nama diri pada kalimah (لأنه) menyalahi kaedah bahasa arab kerana dhomir (هـ) tersebut merupakan kata ganti nama ketiga maskulin yang tunggal yang mana ia tidak merujuk pada kalimah (الفلاحون) iaitu Jamak muzakkar salim (plural gender maskulin). Dalam nahu Arab, sekiranya kalimah yang dirujuk tersebut jamak muzakkar salim maka dhomir muttasilnya mestilah juga gender maskulin yang plural iaitu (هم).

### 3.3 Item 3: Kesalahan penggunaan Frasa (Idafah&Sifat)

Frasa ialah gabungan dua atau lebih kalimah yang memberi pelbagai makna. Antara Frasa Nama yang terdapat dalam struktur ayat bahasa Arab ialah frasa Idafah dan frasa Sifat. Menurut Abduh Al-Rajih, (1988) Frasa sifat ialah kalimah yang mengikuti dan menyamai kalimah yang berada dihadapannya dari segi gender, makrifah dan nakirah, tunggal, duaan dan juga plural. Manakala Frasa Idafah menurut Saad husin, Abdul majid (2006), terdiri daripada dua kalimah. Kalimah pertama dinamakan *mudhaf* yang baris diakhirnya berubah mengikut bentuk i'rab (bentuk fleksi Arab) manakala kalimah kedua adalah *mudafun Ilaih* yang sentiasa *Majrur* iaitu berbaris dibawah.

Jadual 4 menunjukkan kesalahan penggunaan Frasa (Idafah&Sifat).

*Jadual 4: Kesalahan penggunaan Frasa (Idafah&Sifat)*

<b>Sampel 27</b>	<b>Kesalahan Nahu</b>	في اسبوع الماضي... ..
	<b>Penggunaan yang Betul</b>	في الأسبوع الماضي... ..

Penggunaan Frasa Sifat dalam ayat di atas pada kalimah (اسبوع) menyalahi tata bahasa nahu bahasa arab kerana ia tidak seragam dengan kalimah selepasnya iaitu (الماضي) dari segi makrifah(Diletakkan alif&lam pada awal kalimah isim) dan nakirah (Kalimah yang tiada alif&lam pada awalnya). Umum tahu, frasa sifat mestilah mengikuti dan menyamai kalimah yang berada dihadapannya dari segi gender, makrifah dan nakirah, tunggal, duaan dan juga plural.

### 3.4 Item 4: Kesalahan penggunaan kosa kata (Mufradaat)

Setiap kosa kata yang dipilih dan digunakan dalam sesuatu ayat dapat menjelaskan makna dan maksud yang samar dengan tepat. Justeru, pemilihan kosa kata yang salah boleh mencacatkan maksud dan makna ayat. (Samah, 2012) dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar lemah dalam membina ayat sendiri dalam penulisan karangan kerana mereka tersalah memilih perkataan yang tepat untuk menggambarkan sesuatu makna. Perkataan yang digunakan tidak betul dari sudut imbuhan, kata terbitan dan juga kata kerja. Kesalahan yang sama boleh dilihat pada jadual 5 berikut :

Jadual 5 menunjukkan kesalahan penggunaan kosa kata (Mufradaat).

*Jadual 5: Kesalahan penggunaan kosa kata (Mufradaat)*

<b>Sampel 13</b>	<b>Kesalahan Nahu</b>	شهدنا كثيرا من الناس/وصلنا إلى نهار
	<b>Penggunaan yang Betul</b>	شاهدنا كثيرا من الناس/وصلنا إلى نهر

Jadual di atas menunjukkan kesalahan penggunaan kosa kata pada dua perkataan iaitu kalimah (شهدنا) iaitu kami bersaksi dan juga kalimah (نهار) iaitu siang hari. Justeru, kalimah yang sepatutnya tepat mengikut konteks ayat yang digunakan pelajar ialah (شاهدنا) yang bermaksud kami menyaksikan dan kalimah (نهر) yang bermaksud sungai. Kesalahan pemilihan kosa kata ini membawa kepada kecacatan maksud dan makna ayat mengikut konteks ayat yang

dikehendaki pelajar. Bahasa Arab sangat kaya dengan kosa kata. Ia adalah hasil daripada sistem morfologinya yang unik dan berbeza dengan bahasa yang lain.

## **DAPATAN KAJIAN**

Berikut merupakan dapatan kajian yang dapat disimpulkan berdasarkan persoalan kajian:

1. Secara umumnya, sebanyak 210 kesalahan nahu yang terdapat dalam 30 buah karangan pelajar yang mengikuti kursus pengukuhan bahasa Arab. Kesalahan-kesalahan ini terdiri daripada aspek penggunaan kosa kata, kata ganti nama, gender dan frasa. Dapatan ini di sokong oleh dapatan kajian yang dijalankan oleh (Samah, 2012).
2. Kesalahan penggunaan kosa kata dalam karangan pelajar mencatatkan jumlah kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 65 kesalahan (31%). Kelemahan pelajar dalam menguasai kosa kata bahasa Arab perlu di beri perhatian kerana ia boleh merencatkan proses penulisan khususnya penulisan karangan (Putri, N. (2012).
3. Kekerapan kedua paling tinggi ialah kesalahan penggunaan Frasa iaitu 55 kesalahan (26.2%). Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian Ab. Halim (2002).
4. kesalahan penggunaan kata ganti nama dan kesalahan penggunaan gender pula masing masing mencatat jumlah kekerapan yang sama iaitu 45 kesalahan bersamaan dengan 21.4%. ini disebabkan oleh kekeliruan pelajar dalam membezakan sistem gender dan dhomir dalam tatabahasa nahu Arab.(Samah, Rosni 2012)

## **CADANGAN KAJIAN**

Sebagai kesimpulan, penyelidik memandang serius terhadap kelemahan penguasaan pelajar dalam kemahiran mengarang bahasa Arab berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan. Namun, terdapat beberapa perkara yang perlu dibuat penambahbaikan seperti memantapkan strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang selain kaedah dan teknik yang digunakan pensyarah perlulah bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar. Penyelidik merasakan segala kesalahan pelajar yang telah di analisis perlu dikumpulkan dan

di jadikan modul atau kamus kesalahan bahasa agar pelajar dapat mengenalpasti dan mempelajari kesilapan mereka seterusnya tidak mengulanginya kembali.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. (2002). *Pembelajaran frasa bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu: satu analisis kesalahan*. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abduh al-Rajihi, (1988), *al-Tatbiq al-Nahwi*, Darul al-Nahdah al-Arabiyyah Lil Tiba'ah Wa al-Nasri, Beirut Lubnan. h. 381
- Abisamra, N. (2003). *An analysis of errors in arabic speakers' english writings*. Diperoleh pada 20 Sept 2014 daripada <http://abisamra03.tripod.com/nada/languageacq-error-analysis.html>.
- Ahmad Khair Mohd Noor. (2005). *Menulis membina ketrampilan berfikir*. Pelita Bahasa, Julai 18 (7): 12-14.
- Aini Haji Karim. (2007). *Analisis kontrastif dan analisis kesalahan bahasa: Antara hipotesis dan realiti. Prosiding Seminar Tahunan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik II (SETALING)*, 2, 212-225.
- Asmawi, M. N. (2010). *GENDER DALAM STRUKTUR BAHASA ARAB*. *MUSAWA: Journal for Gender Studies*, 2(1).
- Chew Fong Peng & Rusdaine Mohamed. (2013). *keberkesanan penggunaan akhbar dalam pengajaran karangan dalam kalangan pelajar tingkatan enam*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3, 18–30. Retrieved from [fpchew@um.edu.my](mailto:fpchew@um.edu.my).

- Corder, S. P. (1974). *Error Analysis. In J. P. B. Allen and S. Pit Corder (eds.) Techniques in Applied Linguistics (The Edinburgh Course in Applied Linguistics:3)*, London: Oxford University Press (Language and Language Learning), h. 122-154.
- Corder, S. P. (1973). *Introducing applied linguistics*. Baltimore: Penguin Education.
- Ellis, R. (1997). *SLA research and language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Erdogan, V. (2005). Contribution of error analysis to foreign language teaching. *Mersin University Journal of the Faculty of Education*, 1 (2), 261-270.
- Fuad Ni'mat (1973). *Mulakhas Qawaid al-Lughah al-Arabiah*, Al-Maktab Al- Ilmiy lilta'lif wa-al-Tarjamah, Kaherah, Mesir. h. 113.
- Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof & Raja Mohd Fauzi Raja Musa (2001). *Masalah penulisan naratif di kalangan pelajar sekolah menengah*. Jurnal Pendidikan 27. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habash, Z. A. S. (1982). *Common errors in the use of English prepositions in the written work of UNRWA students at the end of the preparatory cycle in the Jerusalem area*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Palestin: Universiti Birzeit.
- Hashim Mat Zain. (2009). *Penguasaan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah: satu kajian kes*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Lee, Chai Chuen. (2007). *Analisis kesilapan sintaksis di kalangan pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Moghimizadeh, R. P. (2008). *The study of syntactic avoidance on the written production of*

*persian university students majoring in teaching english as a foreign language*. Disertasi tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Muda, A. (2012). *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Tinggi Dari Perspektif Guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (Sabk)*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), 2012, 34–47. Retrieved from <http://medcontent.metapress.com/index/A65RM03P4874243N.pdf>

Muhammad Abdul Qadir Ahmad. (1979). *Ta'lim al lughah al arabiyah*. Cairo: Maktabah Nahdhah Masriyyah.

Muslikhah, Z. (2014). Analisis Kesalahan Buku Contoh-contoh Pidato 3 Bahasa Karangan Muhammad Azhar. *SKRIPSI Jurusan Sastra Arab-Fakultas Sastra UM, 2014*(2014).

Putri, N. (2012). *Problematika Menulis Bahasa Arab*. *AL-TA'LIM*,19(2), 173-179.

Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Richards, J. C., Platt, J. T., Weber, H. & Candlin C. N. (1992). *Longman dictionary of applied linguistics*. Essex: Longman.

Saad Husin Umar Maqbul, Abdul Majid Muhammad Zakri, (2006). *Qawaid Al-Lughah Al-Arabiah Lil Marhalah Al-Thaniah*. Dar al-Kutub al-Wathaniyyah, Libya.

Samah, R. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama Arabic Sentences Construction Among The Islamic Religious School Graduates. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12, 555–569.

Saw, K. L. (1997). *Kesilapan sintaksis dalam pembelajaran bahasa Mandarin di kalangan dewasa Melayu*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*, Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors.